

Pendidikan
Islam
Kertas 1
September
2008
2 jam

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH ZON A KUCHING
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. **Bahagian A** mengandungi 40 soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di halaman 13.
3. **Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana satu soalan berikutnya. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan masing-masing.
4. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada kertas jawapan di halaman 13.
5. Ceraikan kertas jawapan **Bahagian A** dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan **Bahagian B**.

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

BAHAGIAN A
[40 MARKAH]

Jawab **semua** soalan

Soalan 1 hingga **Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan kertas jawapan yang disediakan.

1.

X	→	Kepercayaan karut yang dianggap mempunyai hubungan dengan agama Islam sedangkan ianya bertentangan dengan agama Islam
---	---	---

X adalah merujuk kepada

- A. kufur
 - B. nifak
 - C. syirik
 - D. khurafat
2. Hukum aqiqah menjadi wajib apabila seseorang itu
- A bernazar
 - B dikurniakan cahaya mata
 - C berjanji dengan orang lain
 - D memiliki harta yang banyak
3. Berikut adalah kesan amalan sihir kepada individu **KECUALI**
- A mendapat kemurkaan Allah
 - B menyekat akal fikiran secara logik dan sistematik
 - C meminta pertolongan daripada kuasa ghaib atau syaitan
 - D mendatangkan penyakit fizikal atau mental kepada mangsanya

4. Apakah strategi pengawalan tempat rekreasi daripada kerosakan?
- I Penjagaan dan pengawasan yang sistematik
 - II Menyediakan tempat duduk berbumbung
 - III Penyediaan tong sampah
 - IV Mengenakan denda
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
5. Apakah hukum memakan mana-mana bahagian anggota binatang al-an'am yang terpotong tanpa disembelih?
- A Harus
 - B Sunat
 - C Haram
 - D Makruh
6. Perbuatan menuduh perempuan yang baik berzina tanpa saksi dinamakan
- A lian
 - B liwat
 - C zihar
 - D qazaf
7. Apakah nama kitab Imam Al-Ghazali yang terkenal dan menjadi sumber rujukan masyarakat masa kini ?
- A Ihya' Ulumuddin
 - B Sahih Bukhari
 - C Al-Musnad
 - D Al-Risalah

8. Manakah antara yang berikut benar tentang warganegara yang baik?
- A Menjalankan perniagaan di luar negara
 - B Menyokong dasar negara yang disukai sahaja
 - C Berusaha mencari rezeki sebanyak mungkin dalam negara
 - D Mendahulukan kepentingan negara daripada kepentingan peribadi
9. Yang manakah antara berikut merupakan perkara rukun haji?
- A Bermalam di Mina
 - B Berniat ihram di miqat
 - C Wukuf di Padang Arafah
 - D Melontar di Jamratul Aqabah
10. Berikut **bukan** ciri-ciri ajaran Qadyani
- A memperjuangkan semangat jihad
 - B menghukum kafir selain pengikut Qadyani
 - C mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah
 - D mengisytiharkan Qadiyan sebagai tanah suci tempat menunaikan haji
11. Pilih kenyataan yang tepat mengenai prinsip Ahli Sunnah Waljamaah
- A mengharuskan perkahwinan Mut'ah
 - B berpegang teguh dengan hadis dhaif
 - C berpegang dengan prinsip salafussoleh
 - D menghukum walaupun tiada bukti yang sah

- 12.
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Memelihara dan mendidik anak• Saling menghormati dan menjaga keaiban• Saling menasihati dengan lembut dan berhikmah |
|---|

Perkara di atas adalah tanggungjawab

- A bersama
B suami
C isteri
D anak
13. Manakah berikut merupakan implikasi perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang Islam?
- A Menjauhkan diri daripada maksiat
B Memupuk semangat kasih sayang dan muhibbah
C Memberi ketenangan jiwa kepada kedua-dua pihak
D Merenggangkan hubungan dengan keluarga kedua-dua pihak
14. Iddah bagi perempuan yang kematian suami dan tidak hamil ialah
- A tiada iddah
B tiga kali suci
C empat bulan sepuluh hari
D empat bulan dua puluh hari

15.

"Aku talak engkau dengan bayaran sebanyak RM 1000"

Kenyataan di atas merujuk kepada

- A talak
- B khuluk
- C fasakh
- D nusyuz

16. Antara berikut, yang manakah **tidak** berkaitan dengan penamatan kontrak sewa?

- A Barang yang disewa rosak
- B Tamat tempoh kontrak sewa
- C Barang yang disewa hilang
- D Melanggar syarat kontrak sewa

17. Apakah peranan utama Mahkamah Syariah?

- I Mendengar kes rayuan
 - II Menyelesaikan kes-kes tertentu
 - III Memberi maklumat perundangan
 - IV Menyediakan perkhidmatan runding cara
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

18. Apakah langkah terbaik yang perlu diambil oleh rakyat untuk menegur pemimpin yang melakukan kesilapan?

- A Mengadakan demonstrasi
- B Melaporkan kepada media cetak
- C Mendakwa mereka di mahkamah
- D Menasihati dengan cara yang berhikmah


19.

- Lahir di Baghdad
- Pengarang kitab Al-Musnad
- Salasilahnya bertemu dengan keturunan Rasulullah SAW

Pernyataan di atas adalah pengasas mazhab

- A Maliki
- B Hanafi
- C Syafie
- D Hanbali

20.



X merujuk kepada


- A cukai
- B kharaj
- C hibah
- D sedekah

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.


21. _____ ialah berasa gembira dalam melakukan ibadat, sanggup menanggung kepayahan demi mendapat keredhaan Allah S.W.T dan rasul-Nya serta mengutamakan Allah S.W.T lebih daripada kepentingan sendiri.
22. Hukuman hudud terhadap pezina ghairu muhsan ialah _____.
23. Menurut Ahli Sunnah Waljamaah, orang mukmin dapat melihat _____ di syurga pada hari akhirat kelak.
24. _____ ialah kumpulan penyokong Saidina Ali yang menentang Muawiyah bin Abi Sufian.
25. Masa bercukur bagi orang yang mengerjakan haji ialah selepas melakukan ibadat _____.
26. Gadaian ialah sesuatu barangan bernilai yang dijadikan _____ oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman.

Soalan 27 berdasarkan jadual di bawah.



27. **P** dalam rajah di atas ialah _____.

28. Cukai sepuluh peratus dikenakan ke atas kapal perdagangan orang bukan Islam yang singgah di pelabuhan negara Islam untuk tujuan perniagaan dinamakan sebagai _____.
29. Antara adab-adab menziarahi jenazah ialah _____ supaya jenazah mendapat keampunan Allah. S.W.T.
30. Khalifah kerajaan Abbasiyah yang telah menjadikan Baghdad sebagai ibu kota dan memperbaiki sistem cukai ialah _____.
31. Upah haji boleh dilakukan jika seseorang itu _____ atau tidak mempunyai keupayaan fizikal.




32. Tokoh Q dalam rajah di atas ialah _____.
33. Kota Andalus dan _____ menjadi tumpuan para cendekiawan dan pencinta ilmu dari Eropah.
34. _____ ialah mahar yang ditentukan kadarnya mengikut kadar mahar saudara-saudara perempuan pihak isteri.
35. Salah satu ciri kesesatan ajaran Bahai ialah mereka beriktikad bahawa alam ini bersifat _____.

- Beliau dilahirkan di Bukhara
- Wafat pada tahun 256 hijrah/ 870 masihi
- Ketika kecil beliau terkena penyakit mata sehingga tidak dapat melihat

36. Pernyataan di atas menerangkan tentang riwayat hidup Imam _____.

Soalan 37 dan Soalan 38 berdasarkan jadual di bawah.

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



37. X dalam rajah di atas ialah _____.

38. Y dalam rajah di atas ialah _____.

39. Ibnu Khaldun mewariskan karya agungnya iaitu _____ untuk bacaan dan kajian di Timur dan Barat.

40. Persiapan ke arah keluarga bahagia antaranya adalah meliputi aspek ilmu pengetahuan, ekonomi dan _____.

Bahagian B
[60 markah]

Arahan :

Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2 wajib** dan pilih mana-mana **satu** soalan berikutnya.

1. (a) Khurafat adalah kepercayaan yang bertentangan dengan konsep tauhid.
 - (i) Nyatakan **dua** contoh perkara khurafat yang masih diamalkan oleh masyarakat. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** cara bagaimana anda menghindari diri daripada kepercayaan khurafat. [4 markah]

- (b) Antara perbuatan menderhakai ibu bapa adalah menyakiti hati mereka.
 - (i) Nyatakan **dua** sebab berlakunya perkara di atas. [2 markah]
 - (ii) Terangkan akibat menderhakai ibu bapa. [2 markah]

- (c) Iman seseorang boleh bertambah dan berkurang.
 - (i) Berikan maksud iman dari segi istilah. [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** ciri orang yang bertambah iman. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** faedah mendapat kemanisan iman. [4 markah]

2. (a) Sembelihan adalah menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan.
- (i) Nyatakan **empat** perkara sunat ketika melakukan penyembelihan. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** hikmah sembelihan. [4 markah]
- (b) Anak adalah amanah Allah S.W.T kepada ibu bapa.
- (i) Apakah hukum melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh ibu bapa terhadap anak yang baru dilahirkan [4 markah]
 - (iii) Terangkan akibat pengabaian tanggungjawab ibu bapa terhadap anak. [2 markah]
- (c) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut.
- (i) Pn. Mariani berkahwin lain selepas tiga minggu diceraikan oleh suaminya tanpa disetubuhi. [2 markah]
 - (ii) Encik Shahmeer menyewakan rumahnya dengan kadar bayaran sewa yang ditetapkan oleh penyewa. [2 markah]
- 3 (a) Kerajaan Khulafa' al-Rasyidin adalah kesinambungan daripada kerajaan Islam Madinah pimpinan nabi Muhammad S.A.W.
Nyatakan **dua** kesan positif dari aspek sosial daripada kepimpinan Khulafa al-Rasyidin [4 markah]
- (b) (i) Terangkan dengan ringkas riwayat hidup Imam As-Syafie . [2 markah]
- (ii) Senaraikan dua sumbangan Imam As-Syafie yang menjadi warisan kepada umat Islam kini. [4 markah]

- (c) Orang ramai mempunyai tanggungjawab yang tertentu terhadap tempat rekreasi.
- (i) Nyatakan **dua** cara beradab di tempat rekreasi. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** kesan beradab di tempat rekreasi. [4 markah]
 - (ii) Huraikan akibat tidak beradab di tempat rekreasi. [4 markah]
- 4 (a) (i) Terangkan **dua** faktor kejayaan tentera Islam pada Zaman Abbasiyah. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** pembaharuan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Abbasiyah dalam bidang ketenteraan. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan faktor yang mendorong Syeikh Muhammad Abduh melakukan pengislahan dalam sistem pendidikan Mesir. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** metode yang beliau gunakan dalam melakukan islah. [4 markah]
- (c) (i) Terangkan **dua** adab berniaga selain daripada amanah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan maksud ‘amanah dalam berniaga’ beserta contoh. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT.

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NO. KAD PENGENALAN

						-														
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

1. (A) (B) (C) (D)

21. _____

2. (A) (B) (C) (D)

22. _____

3. (A) (B) (C) (D)

23. _____

4. (A) (B) (C) (D)

24. _____

5. (A) (B) (C) (D)

25. _____

6. (A) (B) (C) (D)

26. _____

7. (A) (B) (C) (D)

27. _____

8. (A) (B) (C) (D)

28. _____

9. (A) (B) (C) (D)

29. _____

10. (A) (B) (C) (D)

30. _____

11. (A) (B) (C) (D)

31. _____

12. (A) (B) (C) (D)

32. _____

13. (A) (B) (C) (D)

33. _____

14. (A) (B) (C) (D)

34. _____

15. (A) (B) (C) (D)

35. _____

16. (A) (B) (C) (D)

36. _____

17. (A) (B) (C) (D)

37. _____

18. (A) (B) (C) (D)

38. _____

19. (A) (B) (C) (D)

39. _____

20. (A) (B) (C) (D)

40. _____

Bahagian	Markah				Jumlah Markah
A					
B	Soalan 1	Soalan 2	Soalan 3	Soalan 4	

1223/2
Pendidikan
Islam
Kertas 2
September
2008
1 jam 40 minit

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH ZON A
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 2

Satu jam empat puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **lima** soalan.*
 2. *Jawab **semua** soalan.*
 3. ***Semua** jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

1.(a) Firman Allah S.W.T :

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ
ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي السَّمَاءِ ۗ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى
الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾
(سورة الانعام اية 125)

Ayat di atas menerangkan tentang hidayah Allah kepada manusia..

Berdasarkan ayat di atas

- (i) Apakah maksud hidayah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara untuk mendapatkan hidayah Allah S.W.T. [4 markah]
- (iii) Terangkan sebab manusia memerlukan hidayah dalam kehidupan mereka. [2 markah]


b) Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
لَا تَحَاسِدُوا وَلَا تَنَاجَشُوا وَلَا تَبَاغِضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا يَبْعَ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ
بَعْضٌ وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا.
(رواه مسلم)

Hadis di atas menggariskan beberapa perkara yang membawa kepada perpecahan umat manusia.

- i) Nyatakan **empat** perkara yang membawa kepada perpecahan tersebut. [4 markah]
- ii) Jelaskan **dua** sebab Allah melarang perbuatan di atas kepada masyarakat. [4 markah]

c) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul



(i) _____
 (ii) _____
 (iii) _____
 (vi) _____

[4 markah]

2. (a) Firman Allah S.W.T :

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنْتَهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ
 تُمَكِّنْ لَهُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ
 تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا آخَرِينَ ﴿١٠١﴾
 (سورة الأنعام)

Ayat di atas menjelaskan tentang balasan Allah S.W.T ke atas kaum-kaum terdahulu yang harus dijadikan pengajaran oleh generasi kini.

- (i) Senaraikan **empat** nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** sebab Allah SWT membinasakan kaum terdahulu [4 markah]
- (iii) Nyatakan hikmah Allah SWT membinasakan umat terdahulu. [2 markah]

b). Sabda Rasulullah s.a.w :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنْ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا. وَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ. ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبُّ يَا رَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ.

(رواه المسلم)

Hadis di atas menjelaskan tentang suruhan Allah S.W.T. supaya makan daripada rezeki yang baik dan halal.


- (i) Nyatakan **dua** ciri makanan yang baik menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan makanan yang baik dan halal kepada orang Islam. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** syarat doa seseorang itu dimakbulkan oleh Allah SWT. [2 markah]

(c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula ayat tersebut mengikut tertibnya yang betul. Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

	1
	2
	3
	4

[4 markah]

3. (a) Firman Allah S.W.T :



Amar makruf nahi mungkar merupakan satu kewajipan yang wajar dititik- beratkan dalam kehidupan masyarakat

- (i) Apakah maksud amar makruf nahi mungkar? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **satu** contoh nahi mungkar. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kesan melaksanakan tuntutan tersebut kepada masyarakat.

[4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أُمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرَ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرَ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرْضَتِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

رواه البخارى

Hadis di atas menjelaskan tentang kehidupan manusia ibarat perantau dan cara pengurusan masa yang baik.





- (i) Mengapakah kehidupan di dunia ibarat seorang perantau? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** sikap pelajar yang mengamalkan pengurusan masa yang baik.

[4 markah]

(iii) Jelaskan akibat mengabaikan pengurusan masa yang betul. [2 markah]

c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula ayat tersebut mengikut tertibnya yang betul .

Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

	1
	2
	3
	4

[4 markah]


4 (a) Firman Allah S.W.T:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا
 يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 (سورة النور آية ٣١)

Ayat di atas menjelaskan tentang kewajipan menjaga kehormatan diri dan menutup aurat.

- (i) Nyatakan had aurat lelaki dan perempuan. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** adab berpakaian menurut Islam. [4 markah]
- (iii) Bagaimanakah cara anda menjaga kehormatan diri? [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** akibat tidak menjaga kehormatan diri. [4 markah]

b) Firman Allah S.W.T :



Berdasarkan potongan ayat al-Quran di atas, tulis satu contoh bagi setiap hukum Tajwid berikut:

(i) Ikhfak Syafawi

(ii) Iqlab

(iii) Mad Wajib Mutasil

(iv) Qalqalah Sughra

[4 markah]

c) Tulis semula perkataan berikut dalam tulisan Jawi :

(i) Hubungan kekeluargaan

(ii) Tanggungjawab utama

(iii) Sesetengah rakyat

(iv) Bidang pekerjaan

[4 markah]

5. (a) Firman Allah S.W.T. :

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِفَآئِنَتِنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِرُوا بِهَا خَرُّوا سُجَّدًا وَسَبَّحُوا بِحَمْدِ رَبِّهِمْ
 وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿١٥﴾ تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ
 خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾
 (سورة السجدة آية 15-16)

Ayat di atas menerangkan bahawa orang beriman memiliki jiwa yang sentiasa menyedari kebesaran Allah S.W.T.

- (i) Senaraikan **empat** ciri orang beriman yang terdapat dalam ayat di atas. [4 markah]
- (ii) Apakah ibadat sunat yang sepatutnya dilakukan apabila membaca atau mendengar kalimah yang bergaris di atas dan nyatakan tujuan ia dilakukan? [2 markah]
- (iii) Berikan dua kelebihan yang akan dinikmati oleh individu yang melazimi Qiamullail. [4 markah]

b) Firman Allah S.W.T.:

وَقَالُوا أءِذَا ضَلَلْنَا فِي الْأَرْضِ أَأَنَّا لَفِي خَلْقٍ جَدِيدٍ بَلْ هُمْ بِلِقَاءِ رَبِّهِمْ
كَفِرُونَ ﴿١٠٠﴾
 (سورة المؤمنون)

- (i) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris. [4 markah]

c) Tulis semula petikan di bawah dengan tulisan rumi.

ماء نسي ملاكوكن كروسقن دان فنچمرن عالم كران فراساءن طمع دان كايغينن
مندافت كاوتوغن يث باق . فركارا اين جوكن برلاكوكران تيدق اد كسدرن تنع
فنيغث مملهارا عالم اين دان سيكف امبيل موده مشاركت كيت .

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

**SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH ZON A KUCHING
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008**

SKEMA JAWAPAN PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

SKEMA JAWAPAN KERTAS 1223/1			
Soalan Aneka Pilihan		Soalan Isi Tempat Kosong	
1.	D	21.	Kemanisan Iman / Halawatul Iman
2.	A	22.	100 Kali sebatan
3.	B	23.	Allah
4.	B	24.	Syiah
5.	C	25.	Saie
6.	D	26.	Cagaran
7.	A	27.	Nasihat yang baik
8.	D	28.	Al-Usyur
9.	C	29.	mendoakan
10.	A	30.	Abu Jaafar Al-Mansur
11.	C	31.	Meninggal dunia
12.	A	32.	Syeikh Tahir Jalaluddin
13.	D	33.	Sicily
14.	C	34.	Mahar Misil
15.	B	35.	Baqa'
16.	C	36.	Imam Bukhari
17.	D	37.	Masjid/ Istana Khalifah
18.	D	38.	Istana Khalifah / Masjid
19.	D	39.	Al-Muqaddimah
20.	B	40.	Akhlak/ adab

Skema Jawapan Bahagian B

NO. SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1 (a) (i)	<p>dua contoh perkara khurafat yang masih diamalkan oleh masyarakat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - mempercayai azimat boleh menahan sesuatu bahaya. - mempercayai binatang seperti burung boleh membawa tuah atau sial - mengunjungi kubur keramat untuk meminta hajat. - upacara tepung tawar untuk keberkatan kenduri - upacara mandi bunga untuk mendapat cepat jodoh - upacara puja pantai 	<p>2 x 1 markah = 2 markah</p>
(ii)	<p>dua cara menghindari diri daripada kepercayaan khurafat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - berpegang teguh dengan ajaran Islam - mendalami ilmu agama seperti tafsir al-quran - meningkatkan keimanan dengan melakukan ibadat kepada Allah - menjauhi fahaman sesat - mengelakkan diri daripada mempercayai amalan khurafat. 	<p>2 x 2 markah = 4 markah</p>
(b) (i)	<p>dua sebab berlakunya perbuatan menderhakai ibu bapa:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tidak wujud sifat mengasihi ibu bapa - kurang didikan agama - menganggap ibu bapa sebagai beban - lebih mengutamakan perkara lain berbanding ibu bapa - tidak takut azab Allah 	<p>2 x 1 markah</p>
(ii)	<p>akibat menderhakai ibu bapa:</p> <ul style="list-style-type: none"> - menanggung kesusahan hidup - Tidak mendapat rahmat Allah - mendapat azab dari Allah 	<p>1 x 2 markah</p>
(c) (i)	<p>maksud iman dari segi istilah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - membenarkan dengan hati, mengikrarkan dengan lidah, dan mengamalkan dengan anggota 	<p>2 markah</p>
(ii)	<p>dua ciri orang yang bertambah iman.</p> <ul style="list-style-type: none"> - mempunyai ilmu pengetahuan yang tentang Allah dan rasulnya - banyak melakukan ibadat sunat - melazimi berzikir kepada Allah - selalu berfikir tentang kebesaran Allah 	<p>2 x 2 markah</p>
(iii)	<p>dua faedah mendapat kemanisan iman.</p> <ul style="list-style-type: none"> - merasa kelazatan melakukan ibadat - dapat membentuk diri menjadi seorang yang berkhilaf mulia - dihormati dan disayangi masyarakat - sentiasa berkhidmat kepada masyarakat 	<p>2 x 2 markah</p>






2(a)i.	<p>Empat perkara sunat ketika melakukan penyembelihan.</p> <ul style="list-style-type: none"> -membaca lafaz basmalah dan takbir -menggunakan alat sembelihan yang paling tajam -menghadapkan binatang kea rah kiblat -menyembelih di bahagian pangkal leher dengan memutuskan urat kiri dan kanan leher supaya cepat mati. - melakukan sembelihan pada siang hari. 	(4 isi x 1m = 4 markah)
2(a) ii.	<p>Hikmah sembelihan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - untuk memastikan bahawa daging yang dimakan halal.bersih dan bermutu tinggi. - untuk mengeluarkan darah binatang yang mengandungi kuman-kuman penyakit yang boleh memudaratkan kesihatan manusia. - untuk mematikan binatang dengan cepat. - sebagai penghormatan manusia terhadap makhluk-makhluk Allah. 	(2 x2markah)
2(b)i	Hukum melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak adalah wajib	(2 markah)
2(b)ii.	<p>Dua tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh ibu bapa terhadap anak yang baru dilahirkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - mengazankan dan mengiqamatkan di telinga bayi tersebut -mentahnikkan bayi tersebut -memberi nama yang baik -mencukur rambut -melakukan akikah 	2 isi x 2m = 4 markah
2(b)iii.	<p>Akibat pengabaian tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak.</p> <ul style="list-style-type: none"> -anak-anak akan menjadi liar dan sukar dididik -melahirkan generasi yang bermasalah -akan dipandang hina oleh masyarakat -anak-anak akan terbiar -hubungan antara anak dengan ibubapa menjadi renggang -jiwa anak-anak akan memberontak -kurang kasih sayang dari anak-anak terhadap ibu bapa 	1 isi x 2m =2 markah

2.(c)	Hukum dan alasan bagi situasi berikut.	
i.	Sah kerana Pn Mariani tiada idah / belum disetubuhi.	(Hukum 1 markah / alasan 1 markah)
ii.	Tidak sah kerana kadar bayaran sewa perlu ditetapkan oleh tuan rumah bukan penyewa.	(Hukum 1 markah / alasan 1 markah)
3 (a)	dua kesan positif dari aspek sosial daripada kepimpinan Khulafa al-Rasyidin <ul style="list-style-type: none"> - ilmu pengetahuan diberikan perhatian - rakyat diberikan layanan yang sama rata - kebajikan rakyat diberi keutamaan 	2 isi x 2 markah = 4 markah
3 (b) i.	Riwayat hidup Imam As-Syafie <ul style="list-style-type: none"> - Nama sebenar Muhammad b Idris b Al- Abbas b Uthman - Dilahirkan di Ghazzah, Palestin - Lahir pada tahun 150H - Meninggal dunia pada tahun 204H 	2 isi x 1 markah = 2 markah
3 (b) ii.	dua sumbangan Imam As-Syafie <ul style="list-style-type: none"> - Pengasas Mazhab Syafie - Berijtihad mengikut tempat dan suasana - Mengasaskan kaedah tertentu dalam mensabitkan hukum seperti menggunkan hadis sohib 	2 isi x 2 markah = 4 markah
3(c) i.	Dua cara beradab di tempat rekreasi <ul style="list-style-type: none"> - berkelakuan sopan semasa berada di tempat rekreasi - tidak mencemarkan alam sekitar 	2 isi x 1 markah = 2 markah
3(c) ii.	Dua kesan beradab di tempat rekreasi <ul style="list-style-type: none"> - aktiviti yang dilakukan mendapat keredhaan Allah - berasa tenang dan puas ketika berada di tempat rekreasi 	2 isi x 2 markah = 4 markah
3(c) iii.	Akibat tidak beradab di tempat rekreasi <ul style="list-style-type: none"> - banyak kemudahan tidak dapat digunakan - alam sekitar tercemar kesan daripada sesetengah aktiviti yang dijalankan tidak mengikut peraturan 	2 isi x 2 markah = 4 markah

4. (a) i.	<p>Dua faktor kejayaan tentera Islam pada Zaman Abbasiyyah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dasar ketenteraan yang terbuka - Pemimpin yang berkaliber - Peralatan ketenteraan yang canggih - Strategi peperangan yang berkesan - Keimanan dan semangat jihad tentera islam. 	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah</p>
4.(a) ii.	<p>Dua pembaharuan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Abbasiyyah dalam bidang ketenteraan ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membuka keanggotaan tentera kepada orang bukan Arab seperti Turki dan Parsi - Mengemaskini system pentadbiran dan struktur organisasi ketenteraan. - Memberi gaji dan imbuhan yang lumayan kepada tentera. 	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah</p>
4 (b)i.	<p>Faktor yang mendorong Syeikh Muhammad Abduh melakukan pengislahan dalam sistem pendidikan Mesir ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Inspirasi gerakan islah Al-sayyid Jamaluddin yang menjurus kea rah mewujudkan integrasi ilmu. - Kesedaran Syeikh Muhammad Abduh terhadap keperluan kepada islah dalam kurikulum sekolah dan universiti yang sudah ketinggalan zaman. - Sistem pendidikan pada masa itu yang lebih menjurus kepada taklid dan jumud (pasif) - Kekurangan prasarana pendidikan serta bantuan dari kerajaan yang menyebabkan golongan miskin terpinggir. 	<p>2 isi x 1 markah = 2 markah</p>
4 (b)ii.	<p>Dua metod yang beliau gunakan dalam melakukan islah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Proses pengajaran di masjid Al-Husain, Darul Ulum dan Universiti Al-Azhar - Media massa seperti majalah Al-urwatul wusqa serta Akhbarul waqa'ik Al-misriah dan Al-ahram. - Melalui karya-karya ilmiah seperti Risalah al-tauhid dan lain-lain. - Jawatan-jawatan yang disandangnya seperti hakim mahkamah rayuan Mesir dan mufti kerajaan Mesir. 	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah</p>
4 (c)i.	<p>Dua adab berniaga selain daripada amanah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ihsan - Kerjasama - Menjauhi perkara haram - Melindungi hak-hak penjual dan pembeli 	<p>2 isi x 1 markah = 2 markah</p>
4 (c)ii.	<p>Maksud 'amanah dalam berniaga' ialah :</p> <p>-Penjual dan pembeli bersikap jujur dan tidak menipu dalam perniagaan. Contohnya, seorang penjual tidak boleh mencampurkan buah yang busuk dengan buah yang baik dan menjual dengan harga yang mahal.</p>	<p>Maksud 2 Markah Contoh 2 markah</p>

Skema Jawapan Kertas 1223/2		
No. Soalan	Jawapan	Markah
1) (a) i)	<p>Maksud hidayah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - petunjuk Allah ke jalan kebenaran kepada orang yang dikehendakiNya. 	1 isi x 2markah = 2 markah
ii)	<p>Dua cara untuk mendapatkan hidayah Allah S.W.T. :</p> <ul style="list-style-type: none"> - taat perintah Allah / contoh - jauhi larangan Allah / contoh - berakhlak baik - menjaga hubungan sesama manusia - menuntut ilmu / mempertingkatkan ilmu - bergaul dengan alim ulama - berzikir / tahmid / doa / qiamullail - membaca Al-Quran / meneroka alam 	2 isi x 2 markah = 4 markah
iii)	<p>sebab manusia perlukan hidayah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - tidak sesat / hilang pedoman - dirahmati / diberkati Allah - menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat - tidak ketinggalan dalam aspek kehidupan dunia / maju. 	1 isi x 2 markah = 2 markah
(b) i)	<p>Empat perkara yang membawa kepada perpecahan tersebut</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dengki - Menipu - Berpaling muka - Benci-membenci - Jual-beli di atas jualan orang lain. 	4 isi x 1 markah = 4 markah
(ii)	<p>dua sebab Allah melarang perbuatan di atas kepada masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> -Perbuatan tersebut membawa kepada perpecahan -Merupakan amalan syaitan -Sifat dengki-mendengki dan pulau memulau akan menghancurkan ukhuwah Islamiah. 	2 isi x 2 markah = 4 markah

3.(a)i	Maksud Amar Makruf Nahi Mungkar . Amar Makruf : Menyuruh melakukan kebaikan, Nahi Mungkar : Melarang/ mencegah melakukan kemungkaran/maksiat.	2 isi x 1 markah = 2 markah
(ii)	Contoh amar makruf nahi mungkar: - Mencegah melakukan kemungkaran / maksiat.	1 isi x 2 markah = 2 markah
(iii)	Dua kesan ke atas masyarakat jika melaksanakan tuntutan tersebut: - Hidup aman - Kegiatan harian berjalan lancar. - Gejala negatif dapat dikawal / dibendung. - Hubungan di antara anggota masyarakat menjadi erat. - Dakwah Islam berjalan lancar.	2 isi x 2 markah =4 markah
3(b)i	kehidupan di dunia ibarat seorang perantau - Kehidupan di dunia adalah sementara sahaja sementara menunggu kehidupan di akhirat	1 isi x 2 markah = 2 markah
(ii)	empat sikap pelajar yang mengamalkan pengurusan masa yang baik. - Tidak menangguhkan kerja yang diberikan oleh guru - Datang ke sekolah mengikut masa yang ditetapkan - Menggunakan masa dengan mengkaji matapelajaran - Membuat jadual waktu dan mengikutinya	4 isi x 1 markah = 4 markah
(iii)	akibat mengabaikan pengurusan masa yang betul. - Kehidupan tidak terurus - Sesuatu pekerjaan tidak dapat dilakukan dgn sempurna	2 isi x 1markah = 2 markah
(c)	Susunan ayat : 3,1,2,4	4 x 1 markah
4.(a) i	Had aurat lelaki dan perempuan ialah - Lelaki : antara pusat hingga ke lutut - Perempuan : seluruh badan kecuali muka dan tangan	2 isi x 1 markah = 2 markah

(ii)	Dua adab berpakaian menurut Islam <ul style="list-style-type: none"> - menutup aurat - tidak terlalu jarang - tidak ketat/singkat. - pakaian yang tidak menyerupai lelaki/perempuan - bukan bertujuan menunjuk-nunjuk atau berbangga 	2 isi x 2 markah = 4 markah
4.(a) iii	Cara menjaga kehormatan diri ialah <ul style="list-style-type: none"> - tidak memandang perkara yang diharamkan - menutup aurat - menghindarkan dosa dan maksiat - memelihara maruah diri 	1 isi x 2 markah = 2 markah
iv	Dua akibat tidak menjaga kehormatan diri <ul style="list-style-type: none"> - orang Islam tidak akan dihormati - akan berlaku perkara yang tidak diinginkan seperti rompak, rogol dll - akan mendapat azab daripada Allah SWT - kehormatan dan maruah diri akan tercemar 	2 isi x 2 markah = 4 markah
4. (b)j	contoh bagi setiap hukum Tajwid berikut: <p>(i) Ikhfak Syafawi </p> <p>(ii) Iqlab </p> <p>(iii) Mad Wajib Mutasil </p> <p>(iv) Qalqalah Sughra </p>	4 isi x 1 markah = 4 markah
(ii)	Tulisan Jawi 	4 isi x 1 markah = 4 markah
b)j	empat ciri orang yang beriman yang terdapat dalam ayat di atas. <ul style="list-style-type: none"> - sujud kepada Allah - sentiasa mengingati Allah dengan berzikir, , bertasbih, bertakbir , bertahmid dan bertahlil - Tidak bersifat takbur 	4 isi x 1 markah = 4 markah

	<ul style="list-style-type: none"> - Melazimi Qiamullail - Menginfakkan harta pada jalan Allah SWT 	
(ii)	<p>ibadat sunat yang sepatutnya dilakukan apabila membaca atau mendengar kalimah yang bergaris di atas ialah <u>sujud tilawah</u> dan tujuan ia dilakukan ialah sebagai tanda kita tunduk, akur dan patuh kepada perintah Allah.</p>	<p>Ibadat 1 markah Tujuan 1 markah</p>
(iii)	<p>dua kelebihan yang akan dinikmati oleh individu yang melazimi Qiamullail.</p> <ul style="list-style-type: none"> - kebaikan melazimi ibadah qiamullail. - Dikasihi Allah/diampuni Allah - Mendapat kekuatan rohani - Mendapat ketenangan - Sabar menghadapi ujian - Mendapat keberkatan dalam kehidupan 	<p>2 isi x 2 markah = 4 markah</p>
b)	<p>Hukum Tajwid bagi kalimah bergaris di bawahnya</p> <ul style="list-style-type: none"> -Mad Jaiz Munfasil -Wajibul Ghunnah -Ikhfa' Syafawi -Mad Aridh Lissukun 	<p>4 x 1markah = 4 markah</p>
c)	<p>Manusia melakukan kerosakan dan pencemaran alam kerana perasaan tamak dan keinginan mendapat keuntungan yang banyak. Perkara ini juga berlaku kerana tidak ada kesedaran tentang pentingnya memelihara alam ini dan sikap ambil mudah masyarakat kita.</p>	<p>= 4 markah</p>